

71 peratus pelajar UMS balik mengundi

Pelajar beri lima sebab utama kenapa tertarik untuk mengundi PRU15

UB 17.11.2022 P.06

KOTA KINABALU: Seramai 71.1 peratus pelajar di Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyatakan hasrat untuk balik mengundi pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) Sabtu ini.

Ini berdasarkan dapatan survei dijalankan penyelidik UMS, Prof. Dr. Murnizam Halik dan Prof. Madya Dr. Muhammad Idris Bahari.

Daripada 1,330 responden mengikuti survei berkenaan, seramai 687 daripada 957 responden wanita menjawab 'ya' mewakili 71.7 peratus, manakala 259 responden daripada 373 menjawab 'ya' iaitu mewakili 69.4 peratus bagi pelajar lelaki.

"Lima sebab utama mengapa pelajar tertarik untuk mengundi ialah pertama, mereka menganggap bahawa ini merupakan satu tanggungjawab dan hak mereka sebagai pengundi.

"Faktor kedua, dengan mengundi, mereka dapat memilih calon sesuai, bertanggungjawab dan berwibawa dalam memajukan kawasan mereka.

"Faktor ketiga ialah mereka ingin merasai suasana pilihan raya terutama bagi yang pertama kali terlibat dalam pengundian di kawasan masing-masing.

"Sementara faktor keempat ialah pelajar sebagai golongan belia merasakan bahawa mereka juga sedar akan kepentingan mereka untuk menentukan masa depan negara dan akhir sekali, mengundi membolehkan



mereka berpeluang untuk sama-sama memilih kerajaan yang mereka rasa sesuai untuk mentadbir negara," kata Murnizam ketika ditemui media.

Tambahnya, dari segi statistik dan kemungkinan sama ada terdapat peningkatan peratus penduduk yang mengundi, beliau menyatakan bahawa ianya bergantung kepada jumlah pengundi baru yang terdiri daripada belia yang mendaftar di kawasan tersebut.

"Sekiranya terdapat penambahan pengundi baru yang melebihi 50 peratus di sesuatu kawasan dan rata-ratanya dalam kalangan belia, maka peningkatan peratusan pengundian adalah tinggi.

"Berdasarkan pendapat daripada 1,330 pelajar dari populasi seramai 14,000 orang pelajar UMS, aras keyakinan ialah 95 peratus manakala margin of error ialah sebanyak 3 peratus, bermaksud sekitar 68 hingga 74 peratus pelajar akan turun membuang undi sekiranya tidak ada perkara lain yang menghalang mereka daripada mengundi seperti contohnya, banjir atau faktor kesihatan," katanya.

Murnizam turut men-

jelaskan bahawa PRU 15 merupakan satu pemangkin kepada penglibatan belia dalam isu politik semasa di Malaysia.

"Tidak hairan pada suatu masa yang terdekat, mereka akan lebih peka dan lebih vokal kepada isu politik semasa.

"Selain itu, belia juga merupakan antara pengguna media sosial yang paling aktif dan mereka mempunyai kuasa yang signifikan bagi memastikan segala manifesto dan janji yang dikeluarkan oleh parti politik dan wakil rakyat yang dipilih, akan ditunaikan," jelasnya.

Sementara itu, Muhammad Idris berkata, walaupun niat untuk mengundi dalam kalangan belia adalah tinggi, namun terdapat beberapa faktor yang menyebabkan mereka tidak dapat pulang untuk mengundi di kawasan masing-masing.

"Antaranya ialah isu berkenaan kekangan dari segi kewangan kerana kos pengangkutan balik mengundi sangat tinggi seperti harga tiket penerbangan yang mahal.

"Mereka juga tidak tahu dan sukar untuk memilih calon dan masih tidak dapat mengenal pasti parti pilihan



MURNIZAM



MUHAMMAD

yang tepat dan sesuai untuk memimpin negara. Bagi mereka, tidak ada calon yang menarik dan memberi keyakinan kepada mereka untuk menerajui negara," katanya.

Tambah beliau, terdapat juga dalam kalangan pelajar yang menyatakan bahawa tempat mengundi agak jauh dari tempat belajar.

"Mereka agak sukar untuk mengurus masa dengan berkesan dan ditambah lagi dengan tugas yang agak banyak untuk disiapkan di samping perlu melaksanakan beberapa aktiviti dan program yang telah dirancang sama ada di peringkat fakulti mahupun kolej.

"Meskipun negara telah memasuki fasa peralihan ke endemik bermula 1 April 2022, namun mereka masih bimbang mengenai risiko dan penularan jangkitan COVID-19 semasa PRU-15 nanti," katanya

yang juga Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) FPP, UMS.

Mereka turut berpendapat bahawa walaupun Undi 18 pertama kali dijalankan, tahap kesedaran, minat dan kematangan yang ditunjukkan oleh belia terutama di UMS adalah satu perkembangan yang baik dan membuktikan keputusan untuk membenarkan Undi 18 sebagai pendekatan yang tepat.

Berdasarkan rekod Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), setakat 9 Oktober lepas, seramai 1,393,549 pengundi berdaftar berumur 18 hingga 20 tahun dan 4,614,429 pengundi dalam lingkungan umur 21 hingga 29 tahun yang akan mengundi pada PRU15.

SPR menetapkan hari penamaan calon pada 5 November, hari mengundi awal pada 15 November dan hari mengundi PRU-15 pada 19 November ini.